

**TAZKIRAH MINGGU INI (T.M.I.) : SIFAT MANUSIA**

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 03 Januari 2011 8:33

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

3 JANUARI 2011/28 MUHARAM 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**UUM ONLINE:** SUKACITA dikemukakan Tazkirah Minggu Ini (T.M.I) oleh Pusat Islam untuk renungan bersama:

**Sifat Manusia**

Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

"Sekiranya anak Adam memiliki satu lembah daripada harta, nescaya ia mahu yang kedua dan sekiranya ia mempunyai dua lembah nescaya ia mahu yang ketiga. Tidak akan memenuhi perut anak Adam melainkan tanah dan Allah sentiasa menerima taubat orang yang bertaubat."

(Riwayat Ahmad)

**Pengajaran Hadis:**

1. Manusia secara semula jadinya bersifat tamak dan dengki terhadap kelebihan orang lain.
2. Kedua-dua sifat ini membawa kerugian kerana ia akan melahirkan individu yang tidak bersyukur sehingga hubungan dalam masyarakat menjadi rosak akibat daripada berlakunya pergaduhan dan persengketaan sesama sendiri.
3. Selaku umat Islam kita dituntut untuk sentiasa bersyukur kepada Allah kerana dengan bersyukur hati kita akan tenang dan redha di samping mempercayai bahawa rezeki itu ditentukan oleh Allah SWT. Kita wajib berusaha sedangkan yang menentukannya adalah Allah SWT. Bahkan Allah telah berjanji bahawa rezeki orang yang bersyukur akan ditambah dan sebaliknya bagi orang yang kufur (tidak bersyukur).
4. Lawan kepada sikap tamak itu adalah bersikap sederhana iaitu menolak keterlaluan di mana kita dituntut agar bersederhana dalam menetapkan sesuatu peraturan, perbelanjaan dan sebagainya tetapi mestilah menyeimbangkannya terutama dalam memenuhi tuntutan keduniaan dan tuntutan akhirat.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Ustazah Madiah binti Mohamed Ibrahim di talian 04-928 5806.

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: [ukkuum@uum.edu.my](mailto:ukkuum@uum.edu.my)